

Cukai pendapatan individu turun 1%

UM 2 0 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt.- Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan penurunan kadar cukai pendapatan individu antara satu hingga dua mata peratusan bagi semua kumpulan pendapatan.

Perdana Menteri berkata, kadar cukai pendapatan individu tertinggi iaitu 29 peratus, kini akan menjadi 28 peratus.

"Penurunan sebanyak ini bermakna cukai pendapatan individu kini menyamai kadar cukai korporat," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat di sini.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, kadar baru cukai pendapatan individu terbabit turut membabitkan golongan bukan pemastautin.

Beliau menjelaskan, penurunan kadar cukai terbabit akan mengakibatkan kerajaan kehilangan hasil RM873 juta.

"Tetapi jumlah wang sebanyak ini, akan berada di tangan pengguna untuk dibelanjakan sekali gus meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara," ujarnya.

Bagi mendorong daya usaha kerja, katanya,

pendapatan bercukai yang tertakluk kepada kadar tertinggi juga telah dinaikkan daripada melebihi RM150,000 kepada melebihi RM250,000.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan juga bersetuju menurunkan kadar cukai pendapatan koperasi sebanyak satu mata peratusan bagi semua kumpulan pendapatan.